

22 JUL 2003

JAMALUDIN-BSN/I

TEMPOH JAWATAN ABDUL AZIM SEBAGAI PENERUS BSN DILANJUTKAN

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Tempoh jawatan Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi sebagai pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) telah dilanjutkan dua tahun lagi, demikian menurut Menteri Kewangan II, Datuk Dr Jamaludin Jarjis di sini hari ini.

Abdul Azim telah berkhidmat di BSN sejak empat tahun lepas dan tempoh jawatan pengerusi berakhir pada 30 Jun, 2003.

"Saya terhutang budi dengan kerajaan, terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi saya keyakinan untuk meneruskan tempoh saya sebagai pengerusi BSN," kata Abdul Azim.

Beliau berkata beliau akan memastikan bank akan terus berkembang dan meningkat.

Jamaludin membuat pengumuman itu selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman mengenai skim kredit mikro antara BSN dan tujuh persatuan perniagaan. -- BERNAMA

SM FR AA